

Mahathir mula lawatan 7 hari ke Jepun Ahad

KUALA LUMPUR, Rabu — Lawatan rasmi tujuh hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun untuk merapatkan hubungan dua hala, bermula Ahad ini.

Selain meningkatkan hubungan dagangan, soal politik antarabangsa dan serantau juga akan dibincangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir dan rakan sejawatnya, Encek Yasuhiro Nakasone, minggu depan.

Perdana Menteri sepatutnya melawat Jepun Oktober lalu, tetapi ditangguh kerana pergolakan politik yang berlaku ketika Perdana Menteri Jepun ketika itu, Encek Zenko Suzuki mele-

pasakan jawatannya.

Perdana Menteri bersama rombongan 20 orang mempunyai jadual ketat di Jepun sebaik sahaja mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Haneda, petang Ahad ini.

Turut menyertai rombongan rasmi ini ialah isteri Perdana Menteri, Datin Sri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan lain-lain pegawai tinggi Kementerian dan badan kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir akan mengadakan Maharaja Hirohito dan dijamu dalam satu majlis santapan tengah hari, Selasa depan.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Encek Nakasone mula berbincang Isnin ini selama sejam, diikuti satu lagi pertemuan di kediaman rasmi Perdana Menteri Jepun pada keesokan harinya.

Inilah pertama kalinya dua pemimpin ini bertemu secara rasmi sejak masing-masing memegang jawatan tertinggi negara.

Pertemuan

Walaupun rundingan mereka tertumpu kepada usaha merapatkan hubungan dua hala, namun tidak mungkin soal-soal serantau dan politik antarabangsa diketepikan, lebih-lebih lagi Perdana Menteri Jepun itu baru sahaja berunding dengan Presiden Reagan dan

Presiden Chun dari Korea Selatan.

Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir ke Jepun bolehlah dikatakan sebagai langkah susulan seruan 'pandang ke timur' dan ini boleh diperkuatkan dengan penyertaan Datuk Abdullah Badawi yang dirasai diberi tugas khas mengenai hal ini.

Perdana Menteri akan mendapat kesempatan secara dekat meninjau etika pekerja Jepun dan sikap mereka terhadap pekerjaan yang banyak menyumbang terhadap kejayaan industri Jepun.

Selain pertemuan rasmi dengan pemimpin dan pegawai Jepun, Perdana Menteri juga akan bertemu tokoh-tokoh utama perniagaan dan in-

dustri Jepun selain melawat kilang-kilang besar.

Antara lain-lain perkara yang dijangka dibincangkan ialah penanaman modal Jepun di Malaysia, kredit yen, bantuan-bantuan yang mungkin boleh meningkatkan pembangunan di sini.

Soal-soal antarabangsa seperti keadaan rantau ini, hubungan Timur-Barat, hubungan China dan Soviet, keadaan di Semenanjung Korea, Asia Barat, isu selatan dan utara selain Kampuchea dan Vietnam mungkin dibincangkan.

Datin Seri Dr Siti Hasmah pula mempunyai aturcara lain dalam lawatan ini.